

PENILAIAN PANDANGAN PELAJAR KEATAS PERBEZAAN LAYANAN IBU BAPA TERHADAP ANAK LELAKI DAN ANAK PEREMPUAN

**Mohamad Nasir Saludin
Rika Fatimah, P.L.
Naziren Nazarudin**

Abstrak

Pandangan pelajar keatas isu sosial seperti perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan adalah menarik untuk dibincangkan. Kajian keatas pandangan pelajar ini adalah penting dengan mengambil kira bahawa pelajar mempunyai peranan bukan sahaja sebagai seorang ilmuan yang menilai persekitaran sosialnya tetapi juga mempunyai peranan sebagai anak di keluarga mereka masing-masing. Namun demikian, penilaian keatas isu perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan membabitkan tahap kerumitan dan subjektif yang tinggi yang bermakna tiada piawai bagi menyukat penilaian pandangan pelajar keatas isu yang hendak dibincangkan ini. Oleh itu, kajian ini cuba memaparkan penggunaan analisis Kawalan Lojik Kabur (KLK) yang bersifat luwes sehingga mampu menyederhanakan tahap kerumitan dan subjektif yang tinggi kepada suatu penilaian yang lebih mudah untuk difahami. Beberapa dimensi dan pembolehubah bagi keperluan kajian ini telah pun dikenalpasti. Analisis ini juga untuk menguji sejauh mana perbezaan antara perlakuan atau layanan ibu bapa dengan anak lelaki dan anak perempuan dengan lebih terperinci samada secara keseluruhan mahupun mengikut dimensi. Secara keseluruhannya keputusan menunjukkan terdapat perbezaan yang tidak ketara dalam layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Namun demikian, dapatan kajian mengikut dimensi mendapati perbezaan layanan antara ibu bapa dengan anak lelaki dan anak perempuan.

Abstract

It is interesting to discuss point of view of student on social issues such as the differences of attention of parents towards the sons and daughters. The study on the view of student is important by considering that the student themselves

have double role for not only as knowledgeable who are assessing their social environment but also as sons or daughters with regards to their own parents. In the other hand, it is quite complex and subjective to assess the differences of attention of parents towards the sons and daughters since there is no standard measurement to assess student's point of view on the differences of attention of parents towards the sons and daughters. Therefore, this study offered a discussion on the application of Fuzzy Logic Controller (FLC). FLC is flexible enough to be applied since it is able to simplify high complexity and subjective matters to be much easier to understand. Based on literature review, we identify several dimensions and variables that being used in this study. In addition, this study also has examined how far the differences between the behavior or attention to their daughters. In overall the result suggested that, there are inconspicuous differences between the behavior or attention of parents to their sons and daughters. Although for each dimensions, we found differences between the behavior or attention of parents to their sons and daughters.

PENGENALAN

Pelajar merupakan salah satu aset masyarakat yang sangat penting. Daripada kumpulan ini pula masa depan sesuatu masyarakat bahkan negara ditentukan. Oleh itu adalah perlu untuk mengambilkira pandangan pelajar ke atas isu-isu sosial yang terjadi di dalam masyarakat kita. Selain daripada memperoleh maklumat daripada kumpulan masyarakat terpelajar ini, secara tidak langsung kita juga mengalu-alukan kepada pelajar untuk peduli terhadap persekitaran mereka dengan memberikan pandangan dan ikut serta dalam aktiviti-aktiviti sosial lainnya termasuk kesediaan untuk terlibat dalam kajian ini.

Kajian mengenai isu perbezaan layanan yang diberikan oleh ibu bapa ke atas anak lelaki dan perempuan telah lama dilakukan oleh ramai penyelidik. Menurut kajian pakar sosiologi dan ahli psikologi sepanjang 30 tahun yang lepas, terdapat perbezaan yang konsisten antara layanan atau perlakuan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan (Bowser et. al, 2006). Jantina anak memberi kesan terhadap layanan ibu bapa dan ini menyebabkan wujudnya satu isu yang menarik untuk dibincangkan. Secara psikologi, terdapat perbezaan besar dalam layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Perbezaan tersebut merupakan hasil proses dua hala di mana perbezaan jantina anak dalam hubungan ibu bapa timbul daripada tindakan ibu bapa dan tindak balas

anak-anak (Lundberg 2005). Perlakuan atau layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan yang berbeza-beza akan memberi kesan buruk kepada institusi kekeluargaan (McLanahan et. al, 2005).

Isu perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan merupakan isu sosial yang rumit dan subjektif atau berbeza-beza pada setiap orang yang mengalaminya. Oleh itu, merupakan suatu cabaran yang perlu dibincangkan untuk boleh menilai secara kuantitatif ke atas isu tersebut. Penilaian kuantitatif diperlukan bagi memperolehi gambaran keadaan yang lebih jelas. Gambaran tersebut seperti seberapa jauh perbezaan layanan yang dimaksudkan, sejauh apa usaha yang diperlukan bagi memperbaiki hubungan ibu bapa dan anak, dimensi atau faktor apa yang perlu diberikan keutamaan, dan sebagainya.

Bagi memenuhi keperluan kajian tersebut, analisis Kawalan Lojik Kabur (KLLK) digunakan dalam menyukat penilaian pelajar ke atas isu perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan. KLLK digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengurangkan dan menjelaskan kerumitan sistem dan dapat mengimbangi kedua-dua aspek signifikan dan kejituan. Konsep matematik pada KLLK sangat sederhana dan jauh daripada konsep yang kompleks sehingga mudah difahami dan digunakan. Kaedah ini adalah fleksibel yang dikendalikan dengan aturan-aturan yang dinyatakan dalam bahasa mudah sehingga dapat disesuaikan dengan isu yang ingin dibincangkan. Dengan menggunakan aturan tersebut, maka isu-isu yang mempunyai tahap kompleks dan subjektif tinggi boleh disederhanakan kepada sukatan yang lebih mudah untuk difahami. Selain daripada itu, KLLK lebih memberikan toleransi pada data-data subjektif sehingga penilaian yang dilakukan ke atasnya lebih mendekati kepada kenyataan.

Objektif kajian adalah untuk mengetahui pandangan pelajar keatas isu perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan. Pandangan pelajar adalah sewajarnya untuk diperhatikan. Pelajar merupakan masyarakat terdidik yang mempunyai pemikiran yang terstruktur dan berlandaskan pada analisis lojik dan fakta. Dengan demikian, pandangan yang diberikan mewakili pandangan kumpulan akademis dalam menunjukkan kepeduliannya ke atas fenomena sosial yang berlaku di sekitarnya. Selain daripada itu, kajian juga bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan dan sejauh mana tahap perbezaan tersebut.

Adalah diharapkan kajian ini boleh memberikan suatu wacana yang bermanfaat bagi masyarakat UKM pada khususnya dan masyarakat luas pada umumnya. Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak pentadbiran universiti dalam melakukan pendekatan aktif kepada ibu bapa pelajar dalam mempertingkatkan kualiti hubungan ibu bapa dan anak. Pusat Pembangunan Pelajar (PPP) pula boleh memanfaatkan kaedah kajian ini bagi melakukan analisis dalam membantu menyelesaikan masalah pelajar dalam mempertingkatkan prestasinya terutama dengan memanfaatkan motivasi dan dokongan ibu bapa.

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan metodologi kajian yang mencakupi subjek kajian, dimensi yang digunakan dan analisis kajian.

a) **Subjek dan Kebolehpercayaan Kajian**

Kajian dilakukan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Populasi kajian melibatkan semua pelajar di UKM. Tinjauan mengenai kajian ini dijalankan melalui borang soal selidik. Borang-borang soal selidik yang telah direkabentuk diedarkan secara rawak kepada responden di UKM. Kajian ini dijalankan bermula bulan Januari hingga April 2007.

Borang soal selidik diedarkan secara rawak kepada 200 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar di UKM. Daripada 200 borang tersebut hanya 190 sahaja yang dimasukkan sebagai data dalam kajian ini untuk dianalisis. Ini kerana terdapat borang-borang yang tidak lengkap diisi oleh responden. Sebelum analisis yang lengkap dijalankan, terlebih dahulu ujian kebolehpercayaan (*reliability*) dilakukan terhadap 15 borang untuk memastikan data tersebut boleh diguna dan dapat diterima oleh responden. Analisis ini dijalankan menggunakan pakej SPSS. Nilai alfa hasil analisis kebolehpercayaan ini ialah 0.822 ($\alpha=0.822$). Nilai alfa ini dibandingkan dengan $\alpha=0.5$ dan nilai ini menunjukkan signifikan. Didapati soal selidik ini dapat diterima oleh responden.

Seterusnya analisis demografi dilakukan dengan menggunakan SPSS. Diperolehi seramai 84 pelajar atau 45.2% adalah responden lelaki dan 106 pelajar atau 55.8% adalah responden dari kalangan

perempuan. Bagi status pula, 3.7% adalah berkahwin, 95.3% bujang dan 0.5% masing-masing untuk ibu tunggal dan bapa tunggal. Bangsa Melayu 86.8%, Cina 7.4%, India 3.7% dan lain-lain 2.1%.

b) Dimensi yang Digunakan

Berdasarkan pada kajian-kajian lepas, enam dimensi telah dikenalpasti untuk digunakan bagi mencapai objektif kajian ini. Enam dimensi tersebut adalah Masa, Struktur Keluarga, Tabiat Antisozial, Peranan Ibu Bapa, Pekerjaan Ibu Bapa dan Hubungan Perasaan.

Dimensi yang pertama adalah *Masa*. Dimensi ini mengandungi sembilan atribut yang berkaitan tahap kecukupan masa yang diluahkan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan. Atribut-atribut tersebut disampaikan dalam bentuk soal selidik. Dimensi seterusnya *Struktur Keluarga* dengan 15 atribut, membincangkan tentang status keluarga. *Tabiat Anti Sosial* mengandungi 10 atribut mengenai tahap pengaruh ibu bapa terhadap antisozial anak lelaki dan perempuan. Dimensi yang kelima dengan 14 atribut adalah *Peranan Ibu Bapa*. Dimensi ini menyukat tentang ibu atau bapa yang lebih rapat dengan anak lelaki dan perempuan. *Pekerjaan Ibu Bapa* merupakan dimensi seterusnya yang mengandungi 13 atribut berkenaan status pekerjaan dan masa bekerja ibu bapa. Dimensi yang keenam dengan 24 atribut yang mewakilinya adalah *Hubungan Perasaan*. Dimensi ini berkenaan ikatan dan isu-isu emosi antara ibu bapa dan anak lelaki dan perempuan.

c) Analisis Kajian

Analisis kajian yang dilakukan mencakupi dua analisis iaitu analisis statistik dan analisis Kawalan Logik Kabur (KLLK). Analisis statistik dilakukan dengan menggunakan pakej perisian SPSS untuk analisis demografi subjek kajian dan mencari nilai min, mod, median, sisihan piawai dan varians bagi setiap dimensi yang dikaji. Analisis KLLK dilakukan bagi menilai pandangan responden ke atas setiap dimensi dan atribut melalui pendapat yang diberikan dalam borang soal selidik. Perisian yang digunakan untuk analisis ini ialah *Matlab 6.5 for windows*.

Statistical Package for Social Science (SPSS)

Beberapa hipotesis pembolehubah yang berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan dianalisis. Pembolehubah tidak bersandar termasuk pembolehubah demografi seperti jantina, bangsa, status perkahwinan, bilangan anak lelaki dan anak perempuan serta tahap pendidikan dikodkan sebagai pembolehubah berkategori.

Pembolehubah tidak bersandar juga termasuk siri skala faktor-faktor perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Siri skala ini telah direka daripada kumpulan-kumpulan atribut yang akan diukur setiap satunya. Responden yang tidak menjawab sekurang-kurangnya satu atribut soal selidik pada skala, dirujuk sebagai “nilai hilang” (*missing values*) menggunakan min jawapan responden kepada baki item (Rose et al. 2005).

Seterusnya data-data dimensi yang telah lengkap dimasukkan dalam pakej SPSS dianalisis untuk mencari min, mod dan varians. Tujuan untuk mencari mod adalah untuk digunakan di dalam perisian Matlab untuk analisis KLK seterusnya.

Kawalan Lojik Kabur dengan Menggunakan *Matlab 6.5 for windows*

KLK merupakan sistem pakar waktu-nyata (*real time expert system*) yang memanfaatkan KLK bagi menyukat maklumat kualitatif menjadi kuantitatif. Ciri operasi sesuatu sistem, seperti sistem keluarga dan hubungan ibu bapa dan anak, dapat didefinisikan dengan lebih baik menggunakan ungkapan bahasa seperti yang disediakan dalam analisis KLK. Ungkapan bahasa dinyatakan dalam bentuk implikasi logik iaitu aturan **jika-maka** (*if-then rules*). Hasil yang diperolehi dalam KLK adalah suatu julat nilai dan bukan suatu nilai yang tetap. Hal ini lebih sesuai penggunaannya dalam isu sosial kerana dalam masyarakat ini tiada sesuatu perkara yang bernilai ‘tetap’ melainkan lebih bersifat ‘dinamis’ dan berubah-ubah. Dengan demikian, maklumat keatas julat nilai adalah lebih memberikan manfaat kerana penilaian boleh dilakukan diantara julat nilai yang bersifat luwes (*flexible*) berbanding satu nilai yang kurang mewakili sifat dinamis yang terjadi dalam masyarakat sosial.

KLK mempunyai tiga tahap iaitu pengaburan (*fuzzification*), inferensi (*inference*) dan penegasan (*defuzzification*). Tahapan tersebut seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 berikut;



Rajah 1. Tahap-tahap Proses Dalam Kawalan KKK

i) Pengaburan (*Fuzzification*)


Nilai input nyata diukur ke dalam fungsi keanggotaan. Input adalah nilai yang terbatas dengan pembolehubah dalam perbincangan $(0,1,2,\dots,n)$. Output pula adalah darjah keanggotaan *fuzzy* yang berada dalam julat 0 dan 1.

Sebelum aturan-aturan ditafsirkan, terlebih dahulu input-input di“*fuzzy*”kan ke dalam himpunan bahasa melalui fungsi keanggotaan. Penting untuk membezakan kedudukan pembolehubah berada di fungsi keanggotaan yang mana dan darjah keanggotaan relatif pembolehubah itu. Setiap pembolehubah boleh mempunyai lebih daripada satu darjah fungsi keanggotaan dan ianya boleh diwakili dengan cara Perwakilan Linear, Lengkung S dan Lengkung Bentuk Loceng. Bagi kesesuaian kajian ini, digunakan perwakilan Lengkung Bentuk Loceng. Terdapat tiga lengkung bentuk loceng iaitu Lengkung phi, Lengkung Beta dan Lengkung Gauss. Adapun lengkung yang digunakan adalah *Lengkung phi* dan *Lengkung Gauss*. Lengkung ini dipilih kerana lebih sesuai bagi menyukat dimensi dan pembolehubah yang digunakan dalam kajian ini yang bersifat kompleks dan subjektif.

Perwakilan Lengkung *phi*

Mempunyai darjah keanggotaan satu yang terletak pada pusat dengan domain (γ) dan lebar lengkung (β) (rujuk Rajah 2). Nilai domain pada titik-x:

$$\pi(x; \beta, \gamma) = \begin{cases} S\left(x; \gamma - \beta, \gamma - \frac{\beta}{2}, \gamma\right) & \rightarrow x \leq \gamma \\ 1 - S\left(x; \gamma, \gamma + \frac{\beta}{2} + \beta\right) & \rightarrow x > \gamma \end{cases} \quad (1)$$




Rajah 2. Ciri Fungsi Lengkung *Phi*

Lengkung *Gauss*

Mempunyai dua pengukuran iaitu domain pada pusat lengkung (γ) dan lebar lengkung (k) (rujuk Rajah 3). Nilai domain pada titik- x :

$$G(x; k, \gamma) = e^{-k(\gamma-x)^2} \quad (2)$$



Rajah 3. Ciri Fungsi Lengkuk Gauss

ii) Inferensi (*inference*)

Merupakan tahap yang menentukan penentuan aturan KLK. Operasi yang didefinisikan untuk menyatukan dan merekabentuk KLK iaitu interaksi, kesatuan dan pelengkap. Juga terdapat dua jenis aturan *fuzzy* iaitu:

Aturan Fuzzy Bersyarat (*Conditional Fuzzy Proposition*)

Menggunakan perkataan JIKA. Umumnya:

JIKA x ialah A, MAKA y ialah B

x dan y adalah skalar. A dan B adalah pembolehubah linguistik. Pernyataan yang mengikuti JIKA dikenali sebagai sebab (*antecedent*) manakala pernyataan yang mengikuti MAKA sebagai akibat (*consequence*).

Jika sesuatu pernyataan menggunakan bentuk bersyarat maka terdapat dua fungsi implikasi yang dapat digunakan iaitu Min dan Dot. Kajian ini menggunakan fungsi implikasi Min (minimum) bagi memotong output himpunan *fuzzy*.

Aturan Fuzzy Tanpa Syarat (*Unconditional Fuzzy Proposition*)

Tidak menggunakan perkataan JIKA. Umumnya:

X ialah A

X ialah skalar dan A ialah pembolehubah linguistik. Dilaksanakan dengan model DAN. Ada tiga kaedah yang digunakan dalam melaksanakan inferensi ini. Kaedah-kaedahnya ialah Maks-Min, Penambahan dan Kebarangkalian Atau. Kajian ini menggunakan kaedah *Maks-Min*. Nilai maksimum aturan diambil dan digunakan untuk mengubahsuai kawasan *fuzzy* serta mengaplikasikannya ke output menggunakan operator ATAU (kesatuan). Jika semua pernyataan telah dinilai maka output akan berisi suatu himpunan *fuzzy* yang menunjukkan sumbangan dari tiap-tiap pernyataan. Secara umumnya dituliskan sebagai:

$$\mu_{A'} [x_i] = \max (\mu_{A'} [x_i], \mu_{B'} [x_i]) \quad (3)$$

iii) Penegasan (*Defuzzification*)

Langkah terakhir dalam KLK. Setelah evolusi input dan penerapan aturan asas dilakukan akan menghasilkan output kawasan *fuzzy* untuk setiap pembolehubah penyelesaian. Kawalan KLK harus mengubah pembolehubah output fuzzy menjadi nilai-nilai yang dapat digunakan untuk mengendalikan sistem. Antara kaedah-kaedah yang telah diperkembangkan Sentroid, Bisektor, Maksima Purata, Maksima Terbesar, Maksima Terkecil. Bagi kesesuaian kajian maka digunakan kaedah *Sentroid (Composite Moment)*. Kaedah ini menggunakan penyelesaian jelas yang diperolehi dengan cara mengambil titik pusat kawasan *fuzzy*. Rumusnya adalah seperti:

$$x = \frac{\sum_{i=0}^n d_i^* m(d_i)}{\sum_{i=0}^n m_A(d_i)} \quad (4)$$

DIMENSI LAYANAN IBU BAPA TERHADAP ANAK

Seperti telah dinyatakan sebelum ini, enam dimensi dikenalpasti bagi menyukat pandangan pelajar ke atas perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan perempuan. Dimensi tersebut dikenalpasti berdasarkan kajian dan penyelidikan yang telah dilakukan oleh penyelidik lain. Enam dimensi tersebut adalah Masa, Struktur Keluarga, Tabiat Antisosial, Peranan Ibu Bapa, Pekerjaan Ibu Bapa dan Hubungan Perasaan.

a) Masa

Masa mempunyai peranan yang penting dalam layanan ibu bapa terhadap anak mereka. Dalam beberapa kajian yang tidak melibatkan analisis berapa jumlah masa diperuntukkan untuk bekerja, menunjukkan bapa merasakan kurang meluangkan masa bersama anak-anak daripada ibu. Perspektif jantina anak memfokuskan kepada bagaimana budaya memberi makna kepada ibu bapa dalam pembentukan perasaan dalam kehidupan mereka. Menurut pandangan ini, ibu lebih kerap meluangkan masa bersama anak-anak berbanding bapa kerana ibu boleh menjangkakan apa yang diinginkan dan apa yang perlu diberikan kepada anak-anak (Milkie et al. 2004).

Data peruntukan masa dari Amerika menunjukkan lelaki lebih kerap menghabiskan masa bersama anak lelaki manakala wanita banyak meluangkan masa dengan anak perempuan. Lelaki juga lebih banyak meluangkan masa bersama anak secara keseluruhannya sekiranya mereka mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarga. Bapa kepada anak lelaki lebih cenderung melibatkan diri dalam disiplin anak-anak, kerja sekolah dan lain-lain aktiviti berbanding bapa kepada anak perempuan (Lundberg 2005).

Bapa dalam pasangan yang berkahwin gemar menghabiskan masa dengan anak lelaki seperti bermain dan melakukan aktiviti bersama berbanding dengan anak perempuan. Secara keseluruhannya bapa banyak menghabiskan masa melakukan aktiviti bersama anak lelaki walaupun sebenarnya tiada perbezaan jumlah masa yang patut diluangkan ketika bersama anak lelaki dan anak perempuan (Lundberg 2005).

b) Struktur Keluarga

Dimensi ini mengandung beberapa faktor yang mempengaruhi iaitu kelahiran anak dan status perkahwinan.

Corak kelahiran dan kajian yang dijalankan daripada kebanyakan negara menggambarkan keinginan “keluarga seimbang” dengan sekurang-kurangnya seorang lelaki dan seorang perempuan dalam sebuah keluarga. Dalam dunia yang membangun ini terdapat sedikit bukti ibu bapa mendiskriminasi anak lelaki. Lelaki dan perempuan menerima tahap pendidikan yang setanding dan anak lelaki dan anak perempuan dilayan sama adil sebagai waris keluarga. Laporan dalam perbandingan jantina menunjukkan tren kanak-kanak dan remaja di Amerika Syarikat antara tahun 1985 hingga 2001, kualiti hidup lelaki dan perempuan adalah berbeza tetapi pada tahap keseluruhannya berada dalam keadaan baik. Kelahiran anak lelaki sangat bererti dan memberi kesan dalam banyak aspek pengaruh ibu bapa dan perbelanjaan keluarga berbanding dengan anak perempuan (Lundberg 2005).

Ibu bapa kepada anak lelaki mempunyai status perkahwinan yang kekal dan kurang mengalami kes perceraian berbanding ibu bapa yang mempunyai anak perempuan. Peranan bapa mempengaruhi kedua-dua kestabilan perkahwinan dan hubungan bukan perkahwinan. Ibu kepada anak lelaki mempunyai kasih sayang yang kuat terhadap suami berbanding ibu kepada anak perempuan. Layanan bapa terhadap anak-anak adalah berbeza dengan layanan ibu mengikut jantina anak-anak. Kajian awal dalam sosiologi menegaskan bahawa terdapat dua penjelasan yang berkemungkinan. Pertama kesan negatif anak lelaki terhadap perceraian dan bukti menunjukkan bapa lebih banyak menghabiskan masa dengan anak lelaki serta mempunyai ikatan kekeluargaan yang kuat sekiranya terdapat sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarganya (Lundberg 2005). Bukti kebajikan anak lelaki akan menjadi teruk berikutan perceraian ibu bapa menyokong usul bahawa bapa lebih “produktif” dalam menentukan kualiti kehidupan anak lelaki. Tetapi dalam kajian ibu yang bekerja penurunan masa penjagaan turut menyumbang kesan yang negatif terhadap anak lelaki dan perempuan.

c) Tabiat Anti Sosial

Tabiat anti sosial boleh ditakrifkan juga sebagai seseorang yang kurang suka kepada sosial. Individu yang mengalami kekalutan dalam tabiat antisosial, bertanggungjawab terhadap separuh daripada jenayah yang berlaku walaupun hanya lima peratus daripada populasi tersebut.

Kebanyakan yang terlibat adalah lelaki dan perempuan hanya dengan kadar yang kecil dan kebanyakannya bukanlah kekejaman berbentuk fizikal. Seseorang yang mempunyai tabiat ini akan kelihatan baik pada permulaannya. Adalah sukar untuk mendekati mereka. Aktiviti yang pada mulanya kelihatan seronok akan bertukar kepada berbahaya akhirnya. Mereka bersikap pentingkan diri sendiri. Kes terburuk yang melibatkan mereka adalah seperti pembunuhan.

d) Peranan Ibu Bapa

Hipotesis biososial yang bertentangan dengan model penglibatan ibu bapa menyatakan ketiadaan bapa dalam sesebuah institusi keluarga akan mempengaruhi pembesaran anak perempuan. Kesan kualiti penjagaan ibu bapa diabaikan (Quinlan 2003). Bapa lebih gemar bermain, menukar lampin dan memberi makan anak lelaki berbanding anak perempuan. Satu kajian telah menemui kestabilan hubungan tidak berkahwin bergantung kepada jantina anak-anak. Hubungan tersebut akan diikuti dengan perkahwinan jika anak tersebut adalah lelaki (McLanahan et al. 2005).

Beberapa kajian menunjukkan bahawa bapa mempunyai kesan yang unik terhadap sikap antisosial anak lelaki mereka (Dumbrill, 2006). Terdapat perbezaan pengaruh ibu bapa terhadap sikap antisosial anak-anak. Perbezaan asuhan ibu bapa mempengaruhi sikap antisosial anak lelaki dan anak perempuan terutama daripada asuhan bapa. Dalam kajian lain ketiadaan bapa di sisi anak-anak ketika zaman kecil adalah faktor risiko yang paling besar dalam menjangkakan tahap sosial anak perempuan (Kosterman et al. 2004). Berdasarkan model pembangunan sosial (Kosterman et al. 2004), secara keseluruhannya tabiat antisosial anak perempuan adalah kurang. Cara ibu bapa mempengaruhi tabiat anak-anak adalah berbeza untuk ibu dan bapa bergantung kepada jantina anak-anak. Model pembangunan sosial yang digunakan dalam kajian

Kosterman et al. (2004) digunakan sebagai panduan untuk memahami pelbagai cara bagaimana ibu bapa mempengaruhi sikap antisosial anak-anak. Model tersebut menyatukan elemen-elemen kawalan, pengetahuan sosial dan perbezaan teori.

Kelakuan anak perempuan akan lebih baik apabila mereka lebih kerap melakukan aktiviti kekeluargaan bersama bapa. Ibu tidak mempengaruhi kelakuan anak perempuannya secara langsung. Ibu mempengaruhi kelakuan anak perempuan terutamanya menerusi pengalaman sosial dengan bapa (contoh melalui gabungan pengurusan keluarga bapa dan ibu). Penemuan ini konsisten dengan laporan Kempainen et al. (2002) yang menyatakan ketiadaan pengaruh bapa adalah faktor yang penting dalam tabiat antisosial anak perempuan (Kosterman et al. 2004).

Ibu dan bapa memainkan peranan yang sama dalam mengawal tabiat antisosial anak lelaki. Anak perempuan yakin bahawa *prosocial* dan aktiviti-aktiviti antisosial tidak penting dalam mengelakkan tabiat antisosial mereka. Tetapi ini tidak menyusutkan pengalaman sosial yang positif dengan bapa mereka. Analisis pengkhususan jantina mendedahkan kesan yang unik dengan implikasi yang penting untuk setiap peranan ibu bapa dalam membendung tabiat antisosial anak lelaki dan anak perempuan. Konsisten dengan kajian awal menemui banyak perbezaan pengaruh ibu antara anak lelaki dan anak perempuan (Kosterman et al. 2004).

e) Pekerjaan Ibu Bapa

Dalam kajian yang melibatkan ibu-ibu bekerja, penurunan masa penjagaan turut menyumbang kesan yang negatif terhadap anak lelaki dan perempuan (Lundberg 2005). Masa bapa bersama anak lelaki lebih produktif daripada anak perempuan. Masa bekerja bapa akan berkurang kerana masa dihabiskan bersama anak lelaki (Hyung et al. 2005). Kelahiran anak lelaki mengurangkan masa bekerja bapa sepanjang tiga tahun selepas kelahirannya berbanding anak perempuan.

Bapa yang berpendidikan tinggi mengurangkan masa bekerja mereka apabila mempunyai anak lelaki dan meningkatkan masa penjagaan anak-anak. Bapa lebih banyak meluangkan masa dengan anak lelaki dan mengurangkan masa bekerja mereka. Anak lelaki meningkatkan masa

bekerja bapa mereka berbanding anak perempuan. Walaubagaimanapun tiada kesan terhadap masa bekerja ibu (Lundberg 2005).

Baru-baru ini banyak hasil kajian telah menunjukkan masa pekerja meluangkan masa dalam hal berkaitan rumahtangga, penjagaan anak-anak dan aktiviti peribadi. Didapati semua perkara tersebut beransur-ansur menumpu kepada cara kerja ibu dan bapa memperuntukkan masa terluang mereka. Penemuan dalam kajian lain pula mendapati bahawa wanita kurang masa untuk melakukan kerja-kerja rumahtangga berbanding lelaki (Winslow 2005).

Biarpun terdapat penambahan dalam masa lelaki bersama anak-anak dan penglibatan wanita dalam pemberontakan kerja tetapi ibu tidak mengurangkan masa meluangkan masa dalam penjagaan anak-anak. Terdapat individu yang mempunyai gelaran bapa atau ibu yang telah mempunyai anak tetapi tidak mempunyai ikatan perkahwinan yang sah. Ibu bapa yang telah berkahwin yang mana kedua-duanya bekerja dan suami atau isteri yang tidak bekerja mempunyai tahap konflik yang tinggi (Winslow 2005).

f) Hubungan Perasaan

Lundberg (2005) dalam kajiannya melakukan analisis interaksi antara kepuasan perkahwinan dan pengaruh ibu bapa berdasarkan sampel kecil. Hasil kajian mendapati tiada perbezaan interaksi antara ibu kepada anak lelaki dan ibu kepada anak perempuan dalam permulaan alam persekolahan tetapi bapa pula sebaliknya (Lundberg 2005).

Namun demikian, kesan jantina anak-anak dalam pembesaran mereka jika tiada bapa mendapati bahawa bapa kurang perasaan untuk hidup dengan anak-anak jika mereka mempunyai anak perempuan berbanding anak lelaki. Perbezaan jantina ini telah dikesan sejak tahun 1960. Ibu bapa yang melebihi anak lelaki akan memberikan perhatian yang kurang kepada anak perempuan mereka. Ini menunjukkan ibu bapa lebih mengutamakan anak lelaki daripada anak perempuan (Dahl & Morretti, 2004)

Terdapat banyak komponen mengenai hubungan anak dan ibu bapa di pertengahan zaman kanak-kanak dan remaja adalah termasuk interaksi, kesan dan kognisi serta bukti perbezaan penting tahap sosial antara ibu-anak dan bapa-anak (Östgård-Ybrandt et.al, 2003). Interaksi


antara ibu dan anak lebih kerap, secara terus, banyak timbul perbalahan dan lebih banyak berkias. Manakala interaksi antara anak dan bapa lebih mudah dan dapat menyelesaikan masalah serta lebih sesuai.

Kajian lain menunjukkan bahawa perbezaan tahap sosial antara anak perempuan dan anak lelaki disebabkan oleh pengaruh bapa mereka. Secara kontrasnya anak perempuan dan anak lelaki menggambarkan perhubungan bersama bapa adalah renggang. Hubungan tersebut selalunya tidak memihak kepada anak perempuan (Kosterman et al. 2004). Walaupun anak lelaki merasa tidak selesa dan terbuka dengan bapa mereka tetapi sering berkongsi aktiviti dan masih menghormati bapa mereka. Bagi anak perempuan penglibatan dengan bapa mereka adalah kurang dan selalu timbul konflik. Hubungan antara bapa dan anak perempuan dianggap sebagai "tiada hubungan" (Kosterman et al. 2004).

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Nilai mod yang telah didapati daripada analisis menggunakan SPSS, digunakan dalam analisis seterusnya iaitu *KLK*. Analisis ini bertujuan untuk membandingkan antara perbezaan layan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Perbezaan dilakukan dengan data anak lelaki dan anak perempuan. Juga analisis ini dijalankan untuk membandingkan pengiraan tegasan (tahap setuju) secara manual dan hasil daripada perisian *Matlab 6.5 for Windows*.

Berikut ialah contoh lengkung phi dan S yang digunakan pada dimensi Masa. Lengkung S mewakili himpunan *fuzzy* KURANG dan CUKUP. Nilai x ialah mod setiap dimensi. Manakala lengkung *phi* mewakili himpunan *fuzzy* sederhana (rujuk Rajah 4). Perwakilan bagi dimensi yang lain adalah menggunakan Lengkung S dan *Phi* yang sama dengan masukan nilai mod dan nama masing-masing himpunnannya yang berbeza.



Rajah 4. Lengkung Dimensi Masa yang Diluahkan oleh Ibu Bapa Bersama Anak Lelaki dan Anak Perempuan

Skala perbincangan yang digunakan untuk input dan output adalah masing-masing 0 hingga 5 dan 0 hingga 20 (rujuk Jadual 1). Terdapat dua output daripada 6 dimensi tersebut iaitu tahap persetujuan anak lelaki dan tahap persetujuan anak perempuan.

JADUAL 1. Pembolehubah Skala Perbincangan untuk Tahap Persetujuan Anak Lelaki dan Anak Perempuan

Fungsi	Pembolehubah	Skala Perbincangan
INPUT	Masa, Struktur Keluarga, Tabiat Antisozial, Peranan Iubapa, Pekerjaan Ibu Bapa dan Hubungan Perasaan	[0,5]
OUTPUT	Tahap Persetujuan Anak Lelaki, Tahap Persetujuan Anak Perempuan	[0,20]

Dua Tahap analisis KLK seterusnya iaitu inferensi dilakukan dengan menggunakan rumusan 3 dan tahap penegasan dengan menggunakan rumusan 4. Tahapan analisis ini dilakukan dengan menggunakan perisian *Matlab* sehingga ringkasan dapatan kajian seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2 dan 3.

JADUAL 2. Perbandingan Pandangan Pelajar Mengikut Jantina

Dimensi yang dinilai	Indeks KLIK Pandangan Pelajar			
	Lelaki		Perempuan	
Masa yang diluankan ibu bapa bersama anak lelaki dan anak perempuan.	96% sederhana	4% cukup	96% sederhana	4% cukup
Struktur Keluarga	96% sederhana	4% atas setuju	96% sederhana	4% atas setuju
Tabiat Anti Sosial	96% piawai	4% atas piawai	96% piawai	4% atas piawai
Peranan Ibu Bapa	65% piawai	35% atas piawai	65% piawai	35% atas piawai
Pekerjaan Ibu Bapa	96% sederhana	4% atas setuju	65% sederhana	35% atas setuju
Hubungan Perasaan	96% puas	4% sempurna	65% puas	35% sempurna

JADUAL 3. Pandangan Persetujuan Pelajar ke atas Wujudnya Perbezaan Layanan Ibu Bapa terhadap Anak Lelaki dan Perempuan

Tahap yang Dinilai	Output	
	K e p u t u s a n Fuzzy	Darjah Keanggotaan Fuzzy
Anak Lelaki	10.2	99.95% SEDERHANA 0.05% TINGGI
Anak Perempuan	10.1	99.99% SEDERHANA 0.01% TINGGI

Perbandingan pandangan pelajar lelaki dan perempuan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2. Pandangan tahap persetujuan yang sama untuk anak lelaki dan anak perempuan bagi tahap kecukupan masa yang diluankan oleh ibu bapa terhadap mereka adalah 0 untuk

KURANG, 0.96 untuk SEDERHANA, 0.04 untuk CUKUP. Manakala tahap persetujuan struktur keluarga bagi anak lelaki dan perempuan bermaksud 0 untuk BAWAH SETUJU, 0.96 untuk SEDERHANA dan 0.04 untuk ATAS SETUJU. Tahap kepiawaian tabiat antisosial untuk anak lelaki dan anak perempuan masing-masing bermaksud 0 untuk BAWAH PIAWAI, 0.96 untuk PIAWAI dan 0.04 untuk ATAS PIAWAI. Tahap kepiawaian untuk anak lelaki dan perempuan bagi peranan ibu bapa bermaksud 0 untuk BAWAH PIAWAI, 0.65 untuk PIAWAI dan 0.35 untuk ATAS PIAWAI. Tahap persetujuan anak lelaki untuk pekerjaan ibu bapa bermaksud 0 untuk BAWAH SETUJU, 0.96 untuk SEDERHANA dan 0.04 untuk ATAS SETUJU. Tetapi untuk anak perempuan bermaksud 0 untuk BAWAH SETUJU, 0.65 untuk SEDERHANA, 0.35 untuk ATAS SETUJU. Tahap kepuasan anak lelaki terhadap hubungan perasaan bermaksud 0 untuk KECEWA, 0.96 untuk PUAS dan 0.04 untuk SEMPURNA. Bagi anak perempuan bermaksud 0 untuk kecewa, 0.65 untuk PUAS dan 0.35 untuk SEMPURNA.

Dengan menggunakan KLK, telah dikenalpasti tidak hanya satu nilai tetap keatas penilaian tahap persetujuan pelajar UKM namun terdapat tiga nilai kabur dengan perwakilan status tahap persetujuan mengikut fungsi keanggotaan masing-masing perwakilan tersebut. Didapati perbezaan bagi sesetengah dimensi mengikut tahap yang telah ditetapkan. Bermaksud terdapat perbezaan layanan ibu bapa untuk dimensi peranan ibubapa, pekerjaan ibu bapa dan hubungan perasaan. Anak perempuan lebih merasakan terdapat perbezaan dalam layanan bagi dimensi peranan ibubapa, pekerjaan ibu bapa dan hubungan perasaan berbanding anak lelaki. Ini disebabkan anak perempuan lebih mempunyai emosi dan perasaan yang sensitif terhadap sesuatu perkara berbanding anak lelaki.

Selain daripada itu, dapatan kajian keatas pandangan pelajar secara menyeluruh ditunjukkan dalam Jadual 3. Analisis KLK mendapati tahap persetujuan anak lelaki adalah 10.2 bermaksud 0 untuk RENDAH, 0.9995 untuk SEDERHANA dan 0.0005 untuk TINGGI. Manakala tahap persetujuan anak perempuan adalah 10.1 bermaksud 0 untuk RENDAH, 0.9999 untuk SEDERHANA dan 0.0001 untuk TINGGI. Daripada penyelesaian ini menunjukkan tahap persetujuan anak lelaki kurang daripada tahap persetujuan anak perempuan terhadap isu perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak

perempuan. Perbandingan dibuat berdasarkan tahap persetujuan anak lelaki dan anak perempuan terhadap tajuk kajian ini. Menunjukkan tahap persetujuan anak perempuan kurang daripada tahap persetujuan anak lelaki untuk 10.1<10.2. Ringkasnya anak perempuan lebih tidak setuju terdapatnya perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Anak lelaki 99.95% kurang setuju atau tidak setuju terdapatnya perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Tetapi ini tidak menjamin pada masa akan datang mereka masih berperasaan begitu ini kerana kelahiran anak lelaki pada zaman sekarang semakin berkurangan. Anak perempuan 99.99% tidak setuju terdapatnya perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan.

PERBINCANGAN

Hasil daripada pandangan anak lelaki dan anak perempuan mendapati mereka kurang setuju dengan masa yang diluahkan oleh ibu bapa. Majoritinya anak lelaki dan anak perempuan berpendapat tiada perbezaan terhadap masa yang diluahkan oleh ibu bapa bersama mereka.

Ibu bapa tidak membezakan layanan mereka antara anak lelaki dan anak perempuan. Hasil kajian mendapati kualiti masa yang diluahkan oleh ibu bapa dengan anak-anak adalah kurang memuaskan. Anak lelaki dan anak perempuan mengkategorikan layanan ibu bapa terhadap mereka adalah sederhana. Ini bermaksud, layanan masa yang ibu bapa berikan kepada anak lelaki dan anak perempuan adalah paling baik pada tahap sederhana. Menunjukkan tidak terdapat diskriminasi jantina anak-anak terhadap layanan dalam faktor masa bersama. Kedua-dua ibu bapa membahagikan masa yang sama rata kepada anak lelaki dan anak perempuan.

Sama seperti masa yang diluahkan oleh ibu bapa bersama anak lelaki dan anak perempuan, struktur keluarga juga tidak mempunyai perbezaan dalam layanan ibu bapa terhadap anak-anak mengikut jantina. Anak-anak kurang setuju bahawa struktur keluarga akan menyebabkan ibu bapa memberikan layanan yang berbeza kepada anak lelaki dan anak perempuan. Bagi anak lelaki, tidak penting samada kelahiran anak yang pertama adalah lelaki atau perempuan. Berbeza pula dengan

anak perempuan berpendapat jika kelahiran anak pertama iaitu adik-beradik mereka adalah lelaki, ibu bapa akan memberikan layanan yang memuaskan kepada kedua-dua jantina. Jika masa yang diluangkan oleh ibu bapa kepada anak lelaki dan anak perempuan adalah cukup dan kelahiran pertama anak lelaki, layanan yang diterima anak-anak adalah memuaskan.

Ibu bapa merasakan kurang masa bersama anak-anak apabila mereka lebih banyak menghabiskan masa dengan bekerja (Milkie et al. 2004). Status pekerjaan ibu bapa tidak mempengaruhi perbezaan layanan mereka kepada anak lelaki dan anak perempuan. Ini dilihat daripada pandangan anak lelaki. Manakala bagi anak perempuan, perbezaan layanan ibu bapa terhadap mereka dan anak lelaki adalah disebabkan faktor pekerjaan ibu bapa. Bagi mereka ibu bapa yang bekerja sepenuh masa, separuh masa dan tidak bekerja akan berbeza perilaku atau layanannya kepada anak lelaki dan anak perempuan.

Bagi anak lelaki, struktur keluarga, tabiat antisosial dan hubungan perasaan merupakan faktor yang tidak penting dalam menentukan perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Selepas kajian ini dilakukan didapati mengikut pandangan anak lelaki, tiada perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. bagi mereka layanan yang diberikan oleh ibu bapa adalah sama rata dan tiada istilah “pilih kasih”. Tetapi mereka bersetuju bahawa peranan ibu bapa akan menyebabkan layanan yang diterima oleh anak-anak adalah berbeza.

Berbeza pula bagi anak perempuan yang berpendapat ibu bapa lebih memberi perhatian kepada anak lelaki berbanding mereka. Kajian menunjukkan bahawa anak perempuan lebih merasakan perbezaan yang ketara dalam layanan ibu bapa terhadap mereka disebabkan oleh faktor peranan, pekerjaan ibu bapa dan hubungan perasaan antara ibu, bapa dan anak-anak samada anak lelaki atau anak perempuan. tetapi untuk masa yang diluangkan ibu bapa bersama anak lelaki dan anak perempuan, struktur keluarga dan tabiat antisosial tiada perbezaan dalam layanan. Perbezaan ini dapat dilihat hasil analisis SPSS. Tetapi untuk keputusan perbezaan keseluruhan antara anak lelaki dan anak perempuan kaedah KLK digunakan.

Selain itu kajian ini juga secara tidak langsung melihat dari sudut perbezaan hasil analisis daripada kaedah pengiraan manual dan kaedah yang menggunakan KLK yang menggunakan perisian *Matlab 6.5 for*

windows. Hasil daripada kaedah KLK mendapati terdapat perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan dari sudut pandangan anak-anak. Serta kaedah ini juga menghasilkan nilai mod yang lebih tinggi daripada pengiraan manual. Ini kerana pengiraan manual membundarkan atau membulatkan angka-angka dalam pengiraan yang dilakukan. Juga menunjukkan kaedah KLK lebih jitu keputusannya dan ianya adalah fleksibel. Kajian ini dapat dijalankan dengan mudah menggunakan perisian ini.

KESIMPULAN

Adalah penting untuk mengetahui adakah terdapatnya perbezaan layanan ibu bapa terhadap anak lelaki dan anak perempuan. Terdapat pelbagai faktor yang tidak jelas dalam memastikan apakah yang mempengaruhi perbezaan layanan tersebut kerana pandangan manusia adalah berbeza-beza terhadap sesuatu perkara. Menggunakan KLK adalah lebih mudah daripada analisis lain kerana ianya menggunakan ilmu bahasa dengan setiap darjah keahlian untuk setiap pembolehubah. Kajian ini mengukur dua tahap persetujuan dan mendapati tiada perbezaan yang ketara bagi anak lelaki dan anak perempuan. KLK menunjukkan sejauh mana tahap persetujuan melalui darjah keahlian dan kemudian diterjemahkan ke dalam pembolehubah bahasa untuk menjadikan keputusannya lebih mudah difahami.

Dapatan dan perbincangan kajian boleh dimanfaatkan sebagai wacana bagi pihak universiti, Pusat Perkembangan Pelajar, kolej kediaman, ibu bapa dan pelajar sendiri bagi mempertingkatkan kualiti hubungan dan prestasi samada di rumah, universiti dan masyarakat. Dendengdemikian diharapkan isuperbezaan layanan ini bolehdikenaplasti secara lebih baik dan terukur sehingga usaha penambahbaikan yang diambil boleh memberikan manfaat yang optima.

RUJUKAN

- Bowser, J., Nanartowicz, C., Rhoades, W., Walsh, J., Hill, A., Larson, B., Rawson, K.J. & Reynolds, D. The Way Parents Discuss Emotional Issues With Their Elementary Age Children. Clarion University of Pennsylvania & West Chester University. <http://coral.wcupu.edu/stupaper/olfrend.htm> [20 Februari 2006].
- Dahl, G.B. & Moretti, E. 2004. The Demand for Sons. University of Rochester and NBER & University of California, Berkeley and NBER. Under review. <http://emlab.berkeley.edu/~morretti/sons.pdf> [20 Februari 2006].
- Dumbrill, G.C. 2006. Parental Experience of Child Protection Intervention: A Qualitative Study. *Child Abuse & Neglect* 30: 27-37.
- Hyung-Jai, Choi, Joesch, J.M. & Lundberg, S. 2005. Work and Family: Marriage, Children, Child Gender and the Work Hours and Earnings of West German Men.
- Kosterman, R., Haggerty, K.P., Spoth, R & Redmond, C. 2004. Unique Influence of Mothers and Fathers on Their Children's Antisocial Behavior. *Journal of Marriage and Family* 66: 762-778.
- Lundberg, S. 2005a. Sons, Daughters, and Parental Behavior. University of Washington and IZA, Bonn. Oxford Review of Economic Policy.
- Lunberg, S. 2005b. The Division of Labor by New Parents: Does Child Gender Matter? University of Washington and IZA, Bonn.
- Kemppanen, R, Sigle-Rushton, W. & McLanahan, S. 2002. Father Absence and Child Well-being: A Critical Review. Center for Research on Child Wellbeing Working Paper #02-20.
- McLanahan, S, Lundberg, S. & Rose, E. 2005. Child Gender and Father Involvement in Fragile Families. Kertas Kerja.
- Milkie, M.A., Mattingly, M.J., Nomaguchi, K.M., Bianchi, S.M. & Robinson, J.P. 2004. The Time Squeeze: Parental Statuses and Feelings About Time With Children. *Journal of Marriage and Family* 66: 739-761.
- Östgård-Ybrandt, H. & Armelius, B.A. 2003. Perception of Early Mother and Father Behavior in Adolescence. A Study of Age and Gender Differences in Groups of Normal and Antisocial Adolescents.

- Laporan. <http://www.psy.umu.se/forskning/rapporter/> [14 Mei 2006].
- Quinlan, R.J. 2003. Father Absence, Parental Care, and Female Reproductive Development. *Evolution and Human Behavior* 24: 376–390.
- Rose, A., Koo, P.H., Bhaskar, B., Anderson, K., White, G. & Jenkins, R.R. 2005. The Influence of Primary Caregivers on The Sexual Behavior of Early Adolescents. *Journal of Adolescent Health* 37: 135-144.
- Winslow, S. 2005. Work-Family Conflict, Gender, and Parenthood, 1977-1997. *Journal of Family Issues* 26: 727-755.